



Fakulti Kejuruteraan

Sekolah Komputeran

**MASALAH YANG BERBANGKIT DALAM KALANGAN
MASYARAKAT DAHULU DAN KINI**

Nama Pensyarah : Dr. Muhammad Abd Hadi bin Bunyamin

Kod Kursus : UHMS1172 - Dinamika Malaysia

Seksyen : 21

Tarikh Hantar : 19 Disember 2019

No.	Nama	Nombor Matrik
1.	Adam Najmi Bin Mat Noh	A19EC0003
2.	Muhammad Zulhusni bin Mohd Azhar	A19EC0108
3.	Tai Wen Jun	A19EC0207
4.	Eradah Ahayat binti Mohamed	A19EC0043

1.PENDAHULUAN	3
2. MASALAH MASYARAKAT PASCA KEMERDEKAAN	6
2.1 Jurang Ekonomi dan Penyelesaiannya	6
2.2 Jurang Antara Kaum dan Masalah Perpaduan Negara	8
3.0 MASALAH MASYARAKAT KINI	12
3.1 Hak Asasi Wanita	12
3.1.1 Pengangkutan untuk wanita sahaja	12
3.1.2 Sunat Wanita	13
3.2 Hak LGBT (Lesbian, gay, biseksual dan 'transgender')	15
3.2.1 Undang-undang di Malaysia	16
3.2.2 Kes	16
RUJUKAN	20

1.PENDAHULUAN

1.1 Masyarakat pasca kemerdekaan dan masyarakat kini.

Pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu telah diisytiharkan mencapai kemerdekaan dari pihak penjajah hasil daripada titik peluh para pejuang negara bagi menjamin keadilan rakyat. Kedatangan pihak penjajah telah memberi banyak impak kepada masyarakat dan negara. Kemasukan imigran dari Cina, India, Jawa Sumatera dan Jawa Kalimantan pada kurun ke-18 telah menyebabkan kewujudan masyarakat majmuk dalam negara. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat cetakan 2007, masyarakat majmuk bermaksud kelompok masyarakat yang mempunyai beberapa suku kaum. Selepas kemerdekaan, kedudukan penguasaan ekonomi dalam kalangan kaum masih agak kurang stabil dan pekerjaan mengikut kaum masih lagi wujud kesan daripada dasar pecah perintah yang diwujudkan oleh pihak British dari sebelum kemerdekaan. Dalam aspek politik, pertubuhan parti politik bagi setiap kaum telah wujud manakala dalam aspek sosial, interaksi antara kaum masih lagi kurang walaupun masyarakat sudah bebas dari bersosial.

Pada zaman kini, masyarakat Malaysia telah mengalami perubahan dari segi sosial, politik dan ekonomi. Perkara ini berlaku kerana masyarakat berkembang dan berubah mengikut perkembangan semasa. Kecanggihan dan kemodenan teknologi zaman sekarang, kebebasan dari istiadat lama dan kedatangan pengaruh Barat telah menjadi antara punca masyarakat berubah dari pelbagai aspek contohnya dari segi sosial dan perilakunya yang amat berbeza dengan masyarakat zaman dahulu. Masalah-masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat juga amat berbeza jika dibandingkan dengan masyarakat terdahulu yang kurang dari segi kemudahan dan teknologinya.

1.2 Pernyataan masalah

Perubahan masyarakat moden telah menimbulkan pelbagai masalah yang lebih rumit berbanding masyarakat zaman dahulu akibat dari keterbukaan mereka yang lebih meluas kepada kemudahan dan kecanggihan zaman kini. Sejauh manakah pernyataan tersebut benar tentang perbezaan masalah-masalah yang berbangkit dalam masyarakat terdahulu dan kini. Jadi, adakah

masalah berbangkit dalam kalangan masyarakat berubah selaras dengan perubahan yang mereka hadapi dari segi sosial, politik dan ekonominya.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang masalah-masalah yang berbangkit dalam kalangan masyarakat terdahulu dan kini. Kajian ini juga mengupas setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat dengan lebih mendalam sekaligus mengkaji kesan dari perubahan semasa seperti dari segi kemudahan dan kecanggihan teknologi. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemudahan yang negara terima kini digunakan ke arah yang positif atau negatif. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk mengupas tentang penerimaan masyarakat tentang golongan-golongan yang semakin berleluasa pada masa kini.

1.4 Metodologi

1.4.1 Kajian soal selidik

Kaedah yang kumpulan kami jalankan adalah dengan menyebarkan borang soal selidik secara online kepada warga UTM untuk menjawab dan memberikan pandangan dan pendapat mereka tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita kini. Kami telah berjaya mendapat seramai 55 responden iaitu yang terdiri daripada 35 responden adalah golongan lelaki (63.6 peratus) dan 20 responden adalah golongan wanita (36.4 peratus). Majoriti responden adalah berumur dalam lingkungan 19 sehingga 25 tahun. Selain itu, 48 responden berbangsa Melayu (87.3 peratus), empat responden berbangsa Cina (7.3 peratus) dan masing-masing satu responden bagi bangsa India, Martian dan Iban (1.3 peratus).

1.4.2 Rujukan

Kami juga mendapat sumber rujukan daripada artikel, jurnal, internet dan juga buku rujukan untuk mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikupas yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan juga bahan sokongan bagi mengukuhkan hujah kami.

2. MASALAH MASYARAKAT PASCA KEMERDEKAAN

2.1 Jurang Ekonomi dan Penyelesaiannya

Antara sebab dan punca terjadinya peristiwa pertumpahan darah ini adalah disebabkan jurang ekonomi dan ketidakharmonian antara kaum yang pelbagai di Tanah Melayu. Apa yang berlaku adalah pihak penjajah telah membuka sepenuh peluang kepada pendatang. Hal ini secara tidak semenanya menyebabkan kedudukan ekonomi orang Melayu melemah. Penglibatan yang kurang dari orang Melayu dan usaha orang bukan Melayu untuk mencerooboh dan memiliki kuasa politik yang lebih besar menjadi punca sebenar kepada ketidakharmonian kaum di Tanah Melayu sehingga terjadinya peristiwa 13 Mei.

2.1.1 Orang Cina dan India mengambil alih pelaburan

Ketika era sebelum kemerdekaan, “Kerajaan Kolonial British” (the British Colonial Government) telah membuat dasar pembangunan ekonomi yang meminggirkan orang Melayu hingga menyebabkan mereka langsung tidak dapat bersaing dengan orang bukan Melayu dalam memonopoli ekonomi negara. Kerajaan Kolonial British juga membenarkan pendatang Cina dan India untuk mengambil alih pelaburan-pelaburan British di Tanah Melayu. Proses ini bukan sahaja membolehkan orang bukan Melayu mengawal dan berkuasa ke atas kegiatan ekonomi dalam semua sektor, mereka juga mendapat kontrak Kerajaan yang bernilai jutaan ringgit. Dalam pada masa yang sama, orang Melayu masih tidak dapat memperbetulkan keadaan ekonomi mereka kerana sektor utama ekonomi negara telah pun dikuasai.

2.1.2 Pembangunan kawasan bandar dan luar bandar

Semasa Tanah Melayu melalui proses modenisasi sebelum kemerdekaan, kebanyakan perubahan hanya dilakukan di kawasan bandar manakala kurang pendedahan kepada kawasan luar bandar iaitu penempatan utama orang Melayu. Orang Melayu hanya melakukan pemasaran hasil keluaran mereka melalui orang tengah. Kebergantungan orang tengah yang terdiri daripada

kalangan orang Cina ini menyebabkan mereka semakin mudah dieksplotasi. Keadaan ini bertambah buruk dengan penempatan semulajadi penduduk mengikut kaum pada tempat tertentu. Kebanyakan orang Melayu bertempat di negeri-negeri yang kadar pembangunan ekonominya rendah seperti di Pahang (61.2%), Perlis (79.4%), Kedah (70.7%), Kelantan (92.8%) dan Terengganu (93.9%). Orang Cina pula lebih tertumpu tinggal di negeri yang membangun dan berada di kawasan bandar seperti Pulau Pinang (56.1%), Perak (42.5%) dan Selangor(46.3%). Walaupun sudah merdeka pada tahun 1957, pencapaian ekonomi orang Melayu amat mundur dan jauh ketinggalan sehingga awal tahun 1970-an.

2.1.3 Inisiatif kerajaan mengurangkan jurang ekonomi

Oleh sebab itu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan orang Melayu daripada terus memburuk. Kerana gagal membayar hutang, ramai petani dilaporkan terpaksa menyerahkan sebahagian tanah mereka kepada orang Cina yang menjadi peminjam wang. Oleh sebab itu, pada tahun 1963, satu percubaan telah dilakukan dengan meluluskan “Enakmen Rizab Melayu di Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu” yang melarang sebarang bentuk penjualan atau pajakan tanah Melayu kepada bukan Melayu.

Tun Abdul Razak juga melakukan pelbagai langkah dalam mengatasi kebergantungan yang melampau penduduk luar bandar ke atas penghasilan getah. Sebagai contoh, “Dasar Kepelbagaian” (the Policy of Diversification) diperkenalkan. Pada waktu itu, harga komoditi getah semakin menurun berpunca daripada lambakan stok dalam kuantiti besar daripada stok strategik simpanan Amerika ke dalam pasaran dunia dan dipenuhi dengan getah sintetik. Daripada ini, salah satu tanaman utama yang dipilih untuk menangani situasi ini ialah kelapa sawit. Seterusnya, bagi meneruskan kepelbagaian pertanian ini, Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengilhamkan “Projek Segi Tiga Jengka”. FELDA yang ditubuhkan pada tahun 1956 diberi tanggungjawab dan amanah menguruskan projek ini supaya wujudnya penempatan semula lebih daripada 12,000 keluarga petani di bahagian tengah Pahang. Skim pembangunan tanah Tun Abdul Razak ini bakal menjadikan Malaysia sebagai pengeluar terbesar kelapa sawit.

Bukan hanya FELDA, institusi lain juga turut ditubuhkan bagi mempercepat proses pembangunan luar bandar yang rata-rata didiami oleh orang Melayu terutamanya dalam sektor pertanian. FAMA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang ditubuhkan pada tahun 1965 bertanggungjawab dalam menambah baik kelancaran pemasaran hasil pertanian. Pada tahun 1966 pula, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) ditubuhkan.

2.2 Jurang Antara Kaum dan Masalah Perpaduan Negara

Malaysia merupakan negara yang berbilang bangsa, kaum dan agama serta budaya yang terus terdedah dengan ancaman-ancaman keselamatan sejak sebelum merdekanya Tanah Melayu. Rentetan daripada kepelbagaian kaum dan budaya yang kita miliki, negara turut terancam dengan wujudnya konflik perkauman. Di antara 1945 hingga 1957 sahaja, tujuh belas insiden perkauman dilaporkan. Konflik ini terus wujud meskipun selepas kemerdekaan negara, pada 13 Mei 1969, berlakunya rusuhan kaum yang menjadi sejarah hitam dan menjadi pengajaran buat rakyat Malaysia.

2.2.1 Kemunculan pihak Komunis

Ketegangan kaum antara orang Melayu dan Cina diburukkan lagi dengan eksploitasi isu perkauman oleh pihak Komunis. Pendudukan Jepun mengurangkan lagi perpaduan antara dua kaum tersebut. Orang Cina yang memberi sokongan dan bantuan moral kepada golongan nasionalis Cina dalam Perang China-Jepun telah dihukum oleh Jepun. Hukuman ini menambah kebencian orang Cina terhadap penceroboh Jepun dan juga berasa dengki terhadap orang Melayu. Meskipun terdapat segelintir orang Cina yang menyokong Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu, kebanyakan daripada mereka memilih untuk melarikan diri ke hutan dan menjadi Komunis dalam menentang Jepun. Kemudian, selepas Jepun meninggalkan Tanah Melayu, pihak Komunis yang dianggotai ramai orang Cina cuba menubuhkan sebuah Kerajaan Komunis Malaya yang menghangatkan lagi pertelingkahan antara orang Cina dan Melayu.

Majoriti mangsa-mangsa serangan dan pembunuhan gerila Komunis adalah terdiri daripada orang Melayu. Tentera British yang kemudiannya membantu menghentikan usaha pihak Komunis untuk menguasai Tanah Melayu membuatkan orang Melayu mengalu-alukan

semula kembalinya British. UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ditubuhkan pada tahun 1946 kerana orang Melayu takut dan bimbang akan dikuasai oleh orang Cina jika status negara diletakkan di bawah konsep Malayan Union.

Pada 23 Jun 1948, kerajaan British mengisytiharkan Perintah Darurat terhadap Persekutuan Tanah Melayu. Maka, Parti Komunis Malaya (PKM) serta pertubuhan sehubungan dengannya diharamkan. Hubungan antara kaum semakin memburuk semasa darurat. Hal ini adalah disebabkan penyokong Komunis kebanyakannya terdiri daripada orang Cina manakala pihak polis dan rejimen Malaya terdiri daripada orang Melayu menjadikan peperangan menentang Komunis kelihatan seperti peperangan antara kaum. Darurat masih diteruskan meskipun kemerdekaan dicapai pada tahun 1957 adalah kerana kegagalan Rundingan Baling antara Tun Abdul Rahman dengan pemimpin mereka di Baling pada tahun 1955.

Darurat kemudiannya ditamatkan pada tahun 1960. PKM mula kelihatan tidak aktif disebabkan peranannya mula dilihat sebagai pergerakan asing. Setelah melalui tempoh ini, ancaman Komunis terhadap keselamatan negara hanyalah pada kemampuannya mendapatkan sokongan orang Cina dan golongan penentang kerajaan. Secara rahsia, PKM telah menubuhkan sebuah organisasi haram untuk merekrut mereka yang tidak berpuas hati terhadap Kerajaan sebagai ahli mereka.

2.2.2 Kemunculan Kumpulan Kongsi Gelap Cina

Kumpulan Kongsi Gelap ditubuhkan adalah disebabkan wujudnya dorongan dan hasutan pihak Komunis. Hasutan ini dikaitkan dengan fakta di mana majoriti anggota polis dan tentera di Malaysia terdiri daripada orang Melayu. Orang Cina merasakan bahawa keselamatan mereka tidak terjamin. Kumpulan ini mula bertapak di negara ini dengan kedatangan pendatang Cina pada kurun ke-19. Antara kegiatan terawal kumpulan ini yang direkodkan adalah pada pertengahan kurun ke-19 di mana mereka membuat kucar-kacir di negeri Perak sehingga membawa kepada campur tangan tentera British dan termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Sejak itu, peranan Kumpulan Kongsi Gelap terus dengan tradisi jahatnya. Mereka

melakukan kegiatan pengutipan wang perlindungan, memeras ugut warga, penculikan serta rompakan.

Semasa Pilihanraya Umum 1969, kumpulan ini terus melakukan amalan penguasaan ke atas beberapa golongan tertentu dalam kalangan masyarakat Cina. Kumpulan ini bertambah aktif kerana mempunyai pengaruh kepada kegiatan politik beberapa calon pilihanraya. Malahan, beberapa calon terpaksa membayar ‘Wang Perlindungan’ kepada kumpulan ini untuk berkempen di kawasan tersebut. Perkara yang membuatkan permusuhan kaum adalah kerana kumpulan ini sangat kuat dalam semangat perkauman dan sentiasa berusaha untuk mengeruhkan lagi hubungan antara dua kaum.

2.2.3. Inisiatif kerajaan mengukuhkan perpaduan


Akibat kegagalan kerajaan dalam melaksanakan “Bahasa Kebangsaan” dan “Sistem Pendidikan Kebangsaan” pada tahun 1967, ia menjadi salah satu faktor besar rusuhan kaum 13 Mei tercetus. Kedua isu ini telah dimasukkan dalam rundingan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. UMNO, MCA dan MIC bersetuju bahawa satu bahasa umum merupakan budaya yang penting supaya pelbagai kaum dapat tinggal bersama-sama sebagai asas identiti kebangsaan. Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957- Artikel 152 dan menepati syarat dasar pendidikan Tanah Melayu, Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib untuk menggunakan Bahasa Melayu yang menjamin perpaduan akan boleh diterima pakai oleh Parti Perikatan.

Setelah mengetahui kedua faktor ini, Tun Abdul Razak terus melaksanakan Ordinan Pendidikan 1957 dengan segera. Dasar Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu, sebagaimana yang tercatat dalam Ordinan Pendidikan 1957, adalah “untuk menubuhkan sebuah sistem pendidikan yang boleh diterima pakai oleh keseluruhan rakyat dan menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.”

Sejak dari itu, sekolah-sekolah Kerajaan mula menggunakan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa pengantar secara berperingkat-peringkat. Bahasa Inggeris pula dijadikan sebagai bahasa kedua. Bahasa kebangsaan digunakan secara meluas dalam pelbagai urusan termasuk

pentadbiran, pendidikan dan perdagangan. Tun Abdul Razak berpegang pada visi bahawa hasil kebudayaan yang dilaksanakan melalui dasar tersebut dapat menyatupadukan kumpulan budaya berbilang bangsa hingga membentuk asas kepada satu identiti kebangsaan.

2.2.4. Dapatan soal selidik



Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan, statistik mendapati bahawa jumlah responden yang mempunyai teman rapat yang berlainan bangsa adalah seramai 74.6% daripada jumlah 59 orang responden. Ini menunjukkan bahawa ukhwah antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa masih utuh mahupun terdapat seginlntir dari mereka tidak mempunyai teman rapat yang berlainan bangsa. Seterusnya, berdasarkan kaji selidik, para responden juga telah menjawab pertanyaan tentang pendapat mereka berkenaan dengan isu perkauman di Malaysia.

Statistik menunjukkan bahawa seramai 66.1% daripada 59 orang responden bersetuju bahawa masalah perkauman masih menjadi masalah utama dalam kalangan masyarakat masa kini. Tambahan pula, kebanyakan daripada mereka memberikan pendapat bahawa perkara tersebut berlaku disebabkan oleh kurangnya didikan daripada ibu bapa, jurang sosial disebabkan oleh sistem pendidikan terasing, mudah terpedaya dengan agenda perpecahan kaum, kurangnya semangat patriotisme, tiada kesefahaman antara kaum, stereotaip terdahulu, pengaruh media sosial dan pengaruh politik yang berdasarkan kaum.

3.0 MASALAH MASYARAKAT KINI

3.1 Hak Asasi Wanita

Pada abad ke-21 ini, dunia kita telah berubah daripada situasi di mana pihak lelaki mencari rezeki manakala pihak wanita menjaga anak kepada situasi pihak wanita mampu mencari rezeki yang berkemungkinan lebih baik berbanding pihak lelaki sendiri. Pada zaman dahulu, orang lelaki yang tidak mampu mencari sumber pendapatan yang tetap yang menyebabkan pihak perempuan terpaksa bekerja untuk turut membantu menyara kehidupan mereka akan dipandang rendah oleh orang sekeliling. Selain itu, terdapat juga situasi di mana pihak wanita tidak dibenarkan untuk keluar dari rumah dan berjumpa dengan orang ramai, hal ini telah menimbulkan diskriminasi kepada pihak wanita serta keadaan ini masih berlaku di Malaysia sehingga kini. Walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 60 tahun, sangat janggal jika diperhatikan situasi ini masih lagi berlaku. Contoh yang terang lagi bersuluh, kita dapati bahawa NGO dan GO di negara ini hampir kesemuanya dipimpin oleh pihak lelaki, kuantiti organisasi yang dipimpin oleh pihak wanita sangatlah sedikit ibarat mampu dikira dengan satu tangan sahaja. Hal ini boleh dibuktikan dengan pemimpin parti politik di Malaysia di mana tiada sebarang kedudukan yang dipimpin oleh golongan wanita, kita sendiri juga tidak pernah membayangkan situasi di mana pihak wanita yang akan memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada suatu hari nanti.

Isu ini juga berlaku pada negara-negara yang maju yang lain contohnya Amerika Syarikat. Namun, golongan feminis pula muncul dan berpendapat bahawa golongan wanita sepatutnya golongan yang memimpin dunia ini dan tidak sepatutnya dikuasai oleh golongan lelaki. Walaupun terdapat pendapat yang kurang betul dan tidak logik dalam golongan feminis dek kerana emosi yang mudah berubah dan membuat keputusan yang terburu-buru, namun hasil dari pemikiran mereka juga tidak dinafikan mampu memberikan kebaikan dan membantu masyarakat memahami kepentingan golongan wanita itu sendiri (Asma, 2017).

3.1.1 Pengangkutan untuk wanita sahaja

‘Rapid Lady Bus’ adalah sebuah program yang diadakan bagi golongan wanita sahaja yang bertujuan untuk menghentikan sebarang gangguan seksual terhadap mereka. Perkhidmatan Rapid Lady Bus akan mula beroperasi pada waktu puncak di laluan tertentu sekitar Kuala Lumpur. Datu Hussain, ketua operasi bagi RapidKL Bus, menegaskan bahawa perkhidmatan tersebut diperkenalkan berasaskan maklum balas dari pelanggan wanita di mana mereka meluahkan perasaan ketidakselesaan mereka apabila dalam perjalanan ke destinasi semasa waktu kemuncak. Wanita-wanita yang ingin menggunakan kemudahan bas tersebut akan menaiki bas yang dicat warna merah jambu.

Salah seorang penumpang iaitu Poovan Kaur, 63 menceritakan bahawa beliau berasa lebih selamat dengan kemudahan tersebut bukan kerana beliau tidak mempercayai golongan lelaki namun kerana dia berasa sukar untuk mendapatkan ruang di dalam bas terutama sekali pada waktu kemuncak. Selain itu, Nazilah Adnan yang merupakan salah seorang penumpang juga berharap bahawa golongan lelaki dapat memahami bahawa saiz badan mereka yang besar berbanding golongan wanita menjadikan mereka sukar untuk mendapatkan ruang di dalam bas. (Women-only buses aim to stop sex harrasment, 2010)

3.1.2 Sunat Wanita

‘Sunat’ bagi perempuan yang disebut juga sebagai *khitan* telah diamalkan didalam banyak negara Islam berasaskan pendapat ahli agama mereka tentang kewajipan melakukan hal tersebut di dalam negara masing-masing. Malaysia adalah merupakan salah satu negara yang mengamalkan khitan dalam kalangan wanita.

Khitan adalah satu proses yang digolong sebagai mutilasi alat kelamin wanita (FGM). FGM terbahagi kepada empat jenis, keempat-empat jenis ini menghuraikan cara yang diamalkan di dunia ini yang memutilasi organ pembiakan wanita. Pihak berkuasa di Malaysia telah mengambil keputusan untuk mewajibkan khitan bagi wanita kecuali jika terdapat situasi yang akan mencederakan individu tersebut. Namun, Majlis Fatwa Negeri hanya menjadi satu pihak yang berkuasa kepada sesebuah negeri yang menguruskan tentang undang-undang pentadbiran Islamik, hal ini telah menyebabkan kemunculan pandangan yang berbeza tentang khitan dalam

setiap negeri di dalam Malaysia. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Perlis telah membuat keputusan pada 18 April 2017, bahawa pengalaman khitan pada setiap individu adalah berbeza bergantung kepada kepersetujuan pakar perubatan masing-masing. Pihak jawatankuasa berpendapatan bahawa khitan hanya boleh dilakukan di atas persetujuan individu tersebut mengikut nasihat dari pakar perubatan dan sebarang keputusan yang dibuat perlulah dihormati. Pihak jawatankuasa juga menekan tentang khitan ke atas bayi tanpa nasihat dari pakar adalah menentang hukum dalam syariah. Jawatankuasa Fatwa Johor berpendapat bahawa khitan dibenarkan diamalkan dengan syarat dijalani oleh pakar perubatan sahaja. Umumnya, seluruh Muslim di Malaysia mengamalkan khitan di atas kehendak budaya dan agama. Merujuk kepada statistik siasatan 'Keadaan sunat wanita di Malaysia', 90 peratus golongan wanita termasuk anak perempuan telah disunat. Kebanyakannya adalah berumur sebulan hingga empat tahun iaitu sewaktu mereka bayi atau sebelum masuk ke alam persekolahan. Siasatan tersebut telah dijalankan oleh World Health Organization (WHO) dan juga mereka dapati bahawa amalan tersebut diamalkan di atas sebab kewajipan agama (80.4 peratus), kebersihan (41.3 peratus) dan juga budaya (31.9 peratus). (Abdullah, 2019). Profesor Harlina Halizah Siraj menegaskan bahawa pihak berkuasa perlu melarang pengamalan khitan jika khitan tiada pembuktian yang menunjukkan sebarang kebaikan kepada individu dari segi perubatan kecuali dalam situasi yang dicadangkan oleh pakar perubatan.

3.1.4 Dapatan soal selidik



Carta pai menunjukkan peratus persetujuan tentang penuntutan hak asasi wanita. Seramai 50 responden bersetuju dengan penuntutan hak tersebut (91 peratus) manakala hanya 5 responden tidak bersetuju dengan tuntutan tersebut (9 peratus). Dalam 5 responden yang tidak bersetuju, seramai lima orang dari golongan lelaki dan seorang dari golongan wanita. Mereka berpendapat bahawa golongan wanita pada zaman kini hanya mahukan dominasi bukan persamaan. Golongan wanita mempunyai kelantangan dalam bersuara yang tidak rasional dan meminta lebih berbanding dengan kelebihan yang didapati oleh golongan lelaki. Mereka bercakap menggunakan emosi akan tetapi bagi golongan lelaki, mereka bercakap menggunakan rasionaliti otak. Selain itu, terdapat juga responden yang berpendapat tuntutan hak asasi wanita ini bercanggah dari tuntutan syarak dalam agama. Bagi responden yang bersetuju dengan tuntutan ini pula, majoriti daripada mereka berpendapat bahawa golongan wanita adalah golongan yang lemah jadi penuntutan ini sangat penting bagi mereka agar mereka mampu berdiri sama taraf dan mempunyai peluang yang sama dengan golongan lelaki.

3.2 Hak LGBT (Lesbian, gay, biseksual dan ‘transgender’)

Gay dan lesbian atau kadangkala juga disebut sebagai homoseksual merujuk kepada individu yang tertarik kepada individu lain yang sama jantina. Merujuk kepada Moses dan Hawkins, homoseksual juga dipengaruhi oleh pendapat individu tersebut terhadap jantina mereka sendiri di mana bermaksud seorang lelaki menganggap diri mereka sebagai perempuan atau perkataan mudahnya adalah ‘pondan’. Homoseksual merupakan antara isu yang agak sensitif dalam kalangan warganegara Malaysia, walaupun perbuatan gay dan lesbian telah diiktiraf sebagai perbuatan yang haram dan tidak rasional dalam perlembagaan dan undang-undang di Malaysia, tidak dapat dinafikan lagi bahawa golongan gay dan lesbian sedang semakin berkembang dan membiak walaupun bukan secara besar-besaran. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah membuat satu pengumuman rasmi bahawa Malaysia tidak akan menerima perkahwinan sama-seks sama ada lelaki-lelaki ataupun perempuan-perempuan (Malaysia cannot accept same sex marriage, 2018). “Di Malaysia, terdapat beberapa perkara yang kita tidak akan terima walaupun perkara tersebut dianggap hak kemanusiaan di negara Barat” kata Dr. Mahathir.

3.2.1 Undang-undang di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang melarang seks oral dan seks anal yang merujuk kepada perlakuan seks melalui mulut dan dubur. Hukuman saman atau penjara selama 20 tahun atau kedua-dua akan diberi kepada individu yang melakukan perbuatan seks tersebut. Selain itu, rakyat Malaysia yang beragama Islam yang melanggar peraturan tersebut juga akan dibawa ke mahkamah syariah Malaysia. Namun hal yang demikian, terdapat beberapa suara yang muncul yang menolak hukuman tersebut dengan pendapat bahawa perbuatan seks antara dua dewasa yang bersetuju tidak sepatutnya dikritik oleh orang lain. Akan tetapi pendapat tersebut tidak pernah dibawa oleh pihak berkuasa ke meja perbincangan.

Pada tahun 1994, larangan kepada perlakuan homoseksual, biseksual, atau transeksual telah muncul dan dikawal oleh pihak kerajaan. Pada tahun 1995, menteri pengurusan hal berkenaan agama bagi negeri Selangor telah memuji persatuan Islam BADAR yang membantu dalam penangkapan seramai 7,000 orang yang terlibat dalam perbuatan tidak bermoral tersebut. Pada tahun 2005 pula, ketua Royal Malaysia Navy (RMN), Mohd Anwar Mohd Nor menyatakan bahawa tentera laut tidak akan menerima atau toleransi dengan homoseksual dan perlakuan seks yang tidak semula jadi (No homosexuals in Malaysian Navy, Says Chief, 2005).

3.2.2 Kes

Suki, merupakan seorang perempuan transgender yang sedang menjalankan pemulihan dari serangan kejam yang berlaku ke atasnya kerana identitinya. Suki telah dipukul oleh sekumpulan penyerang menggunakan kayu dan paip plastik di Seremban pada September 2018. Suki telah menderita dengan tiga tulang rusuk patah dan kecederaan pada kepala akibat serangan tersebut. “Saya nak menjerit namun penyerang tersebut pijak pada saya dan tidak memberi peluang kepada saya untuk menjerit”, katanya Suri. (A brutal assault and rising fear in Malaysia's LGBT community, 2018). Terdapat banyak kes-kes LGBT lain yang berlaku di Malaysia namun tidak dibawa kepada khabar seperti tiga kes wanita transgender dibunuh pada tahun 2017 dan beratus-ratus wanita transgender ditangkap kerana melanggar undang-undang

pemakaian di Malaysia yang melarang individu untuk memakai pakaian yang bertentangan jantinya.

Terdapat satu kes yang berlaku di Malaysia yang melibatkan ahli parti politik negara sendiri iaitu Anwar Ibrahim yang terlibat dalam kes homoseksual dan dihukum dengan penjara selama lima tahun. Isu ini telah mengakibatkan masyarakat Malaysia mementingkan isu LGBT dalam negara kerana budaya tersebut telah mengancam imej negara.

Pada tahun 1998, Anwar Ibrahim dihukum di atas kesalahan rasuah manakala pada tahun 2000 pula, Anwar Ibrahim dihukum penjara selama sembilan tahun kerana kes sodomi terhadap pemandu dan penulis ucapan beliau yang baru berusia 19 tahun. Walaupun terdapat banyak bantahan di dalam negara, Anwar Ibrahim tetap tidak dilepaskan dari hukumannya. Selepas hampir enam tahun di dalam penjara, Timbalan Perdana Menteri Malaysia tersebut telah menang dalam rayuan dalam mahkamah tertinggi Malaysia bagi kes sodomi tersebut (Malaysia's Anwar Ibrahim Set Free, 2004). Selepas dilepaskan dari hukuman, Anwar merasakan bahawa undang-undang jenayah negara terhadap homoseksual perlu dibentuk semula untuk melindungi hak dewasa untuk mempunyai kehidupan peribadi, walaupun dia juga merasakan perkahwinan sama seks adalah tidak rasional.

3.2.4 Dapatan soal selidik



Carta pai menunjukkan peratus persetujuan tentang penuntutan hak LGBT. Dalam jumlah bilangan responden seramai 55 orang, seramai 8 responden telah menyetujui penuntutan hak LGBT (15 peratus) manakala seramai 47 responden tidak bersetuju dengan penuntutan hak tersebut (85 peratus). Sebilangan besar dari mereka berpendapat bahawa hak tersebut tidak sama sekali dituntut dalam agama malahan dalam agama, perbuatan dalam golongan tersebut adalah salah dan diharamkan serta bertentangan dengan fitrah manusia. Mereka juga berpendapat bahawa perubahan dari segi penampilan dalam golongan tersebut adalah sangat tidak baik untuk ditonjolkan di depan khalayak ramai.

4. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, telah banyak perubahan yang dapat kita lihat tentang masalah-masalah yang berbangkit dalam masyarakat Malaysia dari zaman pasca kemerdekaan hinggalah pada zaman kini. Daripada masalah-masalah yang telah dikupas, jelas sekali bahawa masalah yang berbangkit dalam negara kita berubah mengikut perkembangan semasa. Walaupun masalah-masalah tersebut tidak lenyap sepenuhnya, tetapi ianya masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat dalam keadaan yang tidak terlalu ketara. Sebagai contoh, masalah tentang jurang ekonomi dan sosial pada zaman terdahulu masih lagi berlaku pada zaman kini akan tetapi hanya berlaku pada sesetengah pihak sahaja dan tiada mana-mana pihak yang menyuarakannya secara terbuka. Walaupun perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia agak sukar untuk dikecapi, akan tetapi mereka kini lebih terbuka dan menghormati sesama masyarakat walaupun berlainan kaum dan agama. Hal ini menyebabkan kurang berlakunya perbalahan antara kaum secara besar-besaran. Selain itu, masyarakat kini juga sudah kurang mengalami jurang ekonomi yang sangat ketara dalam kalangan masyarakat. Kini, sesiapa sahaja mampu untuk berjaya dan mempunyai hasil ekonomi yang tinggi dan stabil mengikut usaha masing-masing dan juga tanpa mengira kaum.

Kecanggihan teknologi yang lebih moden pada zaman kini menyebabkan timbulnya masalah-masalah yang tidak sepatutnya berlaku seperti munculnya golongan LGBT seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Golongan tersebut mengambil kesempatan menggunakan kemudahan teknologi untuk membuat sebarang pembedahan pada fizikal mereka untuk

mengubah kurniaan yang telah diberikan oleh Tuhan. Kemajuan dari segi pengangkutan juga menimbulkan masalah-masalah kepada golongan tertentu. Pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan kemudahan tersebut sebagai medium untuk membuat aktiviti yang tidak bermoral seperti gangguan seksual dan merompak. Perkara tersebut kebanyakannya berlaku dalam kalangan wanita kerana sifat mereka yang lebih lemah berbanding golongan lelaki. Namun, dalam zaman moden ini, hal tersebut juga berlaku dalam golongan lelaki. Jadi, kebanyakan masalah-masalah yang berlaku pada zaman kini jelas sekali timbul disebabkan kemudahan yang telah diberikan dan juga kecanggihan teknologi itu sendiri. Namun, kemudahan dan kecanggihan tersebut juga memberi banyak kebaikan kepada masyarakat dan kesan dari perkara tersebut adalah timbul dari pengguna itu sendiri. Jika digunakan ke arah yang positif, maka positiflah kesannya dan jika digunakan ke arah negatif, maka negatiflah kesannya.

Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin dan berdisiplin, kita mestilah berganding bahu dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk membanteras sebarang masalah yang timbul yang boleh memburukkan imej negara agar negara kita aman damai dan dipandang tinggi oleh orang luar. Penggunaan teknologi, kecanggihan alatan dan pengangkutan kini serta media sosial perlulah dikawal dan digunakan dengan berhemah untuk tujuan yang betul. Hal ini kerana medium yang disebutkan adalah punca-punca utama yang menimbulkan masalah berbangkit pada zaman kini. Sebarang masalah yang timbul perlulah dimaklumkan kepada pihak berkuasa dengan kadar yang segera agar masalah tersebut mampu diselesaikan dalam masa yang singkat dan tidak bertambah teruk. Hal ini kerana perkara tersebut hanya akan menyebabkan suasana masyarakat menjadi huru hara dan juga negara kita dipandang rendah oleh negara-negara luar. Perpaduan dalam kalangan masyarakat juga sangat penting bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan negara.

RUJUKAN

A brutal assault and rising fear in Malaysia's LGBT community. (2018, August 24).

Diambil daripada The Star Online:

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/24/a-brutal-assault-and-rising-fear-in-malaysias-lgbt-community/>

Abdullah, A. (2019, August 7). *Female circumcision and human right* . Diambil daripada NEW STRAITS TIMES:

<https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2019/08/510963/female-circumcision-and-human-rights>

Asma. (2017, November 9). *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender dan Pemahaman Agama*. Diambil daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan:

<https://muftiwp.gov.my/ms/sumber/media/penerbitan/suara-pemikir/2155-gerakan-feminisme-persamaan-gender-dan-pemahaman-agama-bahagian-1>

Malaysia cannot accept same sex marriage. (2018, August 20). Diambil daripada REUTERS:

<https://www.reuters.com/article/us-malaysia-lgbt/malaysia-cannot-accept-same-sex-marriage-says-mahathir-idUSKCN1M10VA>

Malaysia jailed leader . (2018, May 16). Diambil daripada Business Insider Malaysia :

<https://www.businessinsider.my/malaysias-anwar-ibrahim-pardoned-and-released-from-jail-2018-5/?r=US&IR=T>

Malaysian Court Upholds Ban on Sexuality Right Festival. (2012, March 9). Diambil daripada OUTRIGHT:

<https://outrightinternational.org/content/malaysian-court-upholds-ban-sexuality-rights-festival-seksualiti-merdeka>

No homosexuals in Malaysian Navy, Says Chief. (2005, February 25). Diambil daripada

Sodomy Laws: <http://www.glapn.org/sodomylaws/world/malaysia/mynews072.html>

The 'Obedient Wife Club'. (2011, June 03). Diambil daripada AL ARABIYA NEWS:

<https://web.archive.org/web/20120627045437/http://www.alarabiya.net/articles/2011/06/03/151688.html>

Women-only buses aim to stop sex harrasment. (2010, 2 12). Diambil daripada NBC NEWS.COM:

http://www.nbcnews.com/id/40468372/ns/world_news-asia_pacific/t/women-only-buses-aim-halt-sex-harassment/#.Xe2ecegZPZ

Paridah Abd. Samad (2009). *Tun Abdul Razak, Fenomena Politik Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia. Partisan Publication.

Leon Comber (2007). *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Perpustakaan Negara, Malaysia. IBS BUKU SDN.BHD.

Kim, P. K. (1985). *Masalah Sosial dan Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.

Sulehan, J. (2005). *Masyarakat Perubahan dan Pembangunan*. Selangor: Ampang Press Sdn. Bhd.